

18 JAN 2002

Mahathir-Pekerja Asing (Bergambar)

PEKERJA INDONESIA ADALAH PILIHAN TERAKHIR

ALOR SETAR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata warga Indonesia mungkin menjadi pilihan terakhir untuk diambil bekerja di negara ini pada masa depan.

Langkah itu terpaksa dilakukan kerana beberapa siri kekacauan yang ditimbulkan oleh pekerja dari Indonesia telah menimbulkan masalah kepada negara ini, kata Perdana Menteri.

"Pekerja Indonesia memberi kita banyak masalah, menyeludup masuk, apabila ditangkap mereka jadi ganas...kita tidak dapat menerima perangai seperti itu," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Kedah di Bangunan Tunku di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejadian rusuhan 500 pekerja Indonesia semasa operasi polis di sebuah kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan semalam.

Dalam kejadian itu, pekerja Indonesia yang menginap di asrama kilang berkenaan telah bertindak ganas kerana membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Dr Mahathir berkata pada masa depan kerajaan akan memberi keutamaan kepada pekerja asing bukan dari Indonesia, yang mempunyai rekod tidak menimbulkan banyak masalah kepada negara ini.

Katanya Malaysia tidak senang dengan perangai pekerja asing yang menimbulkan masalah kepada negara ini dan mereka yang menimbulkan kekacauan itu akan dihantar pulang ke negara asal mereka dengan segera.

"Kita akan hantar mereka pulang dan tidak dapat menerima perangai seperti itu," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata setakat ini kejadian rusuhan itu belum lagi disampaikan kepada pihak berkuasa Indonesia tetapi kerajaan akan membawanya pada masa akan datang.

Beliau berkata pekerja asing adalah tetamu negara ini, dan sebagai tetamu mereka seharusnya menghormati undang-undang negara ini.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata kerajaan berhasrat mengurangkan bilangan pekerja asing tetapi tidak boleh melakukan langkah pengurangan itu kerana kekurangan pekerja tempatan dalam sektor tertentu.

Kepada soalan mengenai pilihan raya kecil Indera Kayangan, beliau berkata pengundi akan dapat keluar mengundi dengan selamat esok kerana pihak berkuasa telah mengambil langkah memastikan tidak berlaku sebarang kekacauan.

Beliau telah diberitahu keadaan keselamatan pada pilihan raya itu adalah sangat baik dan pengundi boleh keluar ke pusat pengundian tanpa sebarang gangguan seperti yang berlaku di pilihan raya kecil Lunas dua tahun lalu.

Sementara itu semasa berucap pada majlis berkenaan, Dr Mahathir menggesa anggota BN supaya mengutamakan kepentingan parti lebih daripada kepentingan peribadi.

Katanya kepentingan parti harus dipelihara kerana tidak aada parti lain yang dapat memerintah negara ini dengan lebih baik.

Pada majlis itu juga beliau memotong kek tiga tingkat sempena hari jadi ke-76 sumbangan BN Kedah.

-- BERNAMA

MAN MZM RON